



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (KUMPULAN 2)
BAHAGIAN PENGURUSAN ESTET
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN ESTET
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Civil Engineering* atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam pengurusan, penelitian dan pengawalan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN);
2. Menyelaras, memantau dan mengawas pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;
3. Pengurusan dan pemeliharaan bangunan-bangunan dan aset-aset di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;
4. Meneliti dan memastikan tatacara permohonan Jabatan-Jabatan dibuat dengan teratur mengikut peraturan yang sedang berjalan;
5. Bertanggungjawab untuk penyediaan kelengkapan bagi acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;



6. Mengetuai dan melaksanakan projek-projek *Health, Safety, Security and Environment (HSSE)*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pihak pengurusan atasan dari semasa ke semasa.